



Headline: Ditipu 'Macau Scam', suri rumah rugi lebih RM2,000 Language: Malay

Publication/Portal: Utusan Borneo (Sarawak)
Date: 23 April 2020 Section: Tempatan
Page: 2

Ditipu 'Macau Scam', suri rumah rugi lebih RM2,000

SIBU: Seorang suri rumah mendakwakan rugian RM2,150 selepas diperdayakan sindiket Macau Scam untuk memindahkan wang simpanannya ke dalam akaun individu tidak dikenali.

Ketua Polis Daerah Sibu Stanley Jonathan Ringgit berkata, mangsa yang berusia 39 tahun itu mendakwa menerima panggilan telefon sekitar jam 11 pagi Selasa daripada seorang wanita kononnya dari Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Katanya, mangsa mendakwa dimaklumkan nama dan nombor pengenalannya telah didaftarkan di atas sebuah syarikat dan terdapat tunggakan bayaran cukai sebanyak RM38,600.

"Pengadu kemudian diarahkan menunggu di talian sementara panggilan disambungkan kepada Ibu Pejabat Polis Kuantan bagi membuat semakan nombor kad pengenalan pengadu," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Selepas itu panggilan disambungkan kepada seorang 'pegawai polis' yang menyatakan nama pengadu telah disenarai hitam kononnya

disebabkan tunggakan cukai yang belum dijelaskan.

Talian kemudian disambung kepada 'Bank Negara' untuk membolehkan pengadu membuat aduan.

Menurut Stanley, pengadu kemudian diminta seorang lagi pegawai yang mendakwa boleh membantu pengadu untuk menyelesaikan masalah tersebut.

"Syaratnya pengadu perlu memasukkan RM2,150 ke dalam satu akaun bank di mana dia telah melakukan satu transaksi pemindahan wang di sebuah bank di Jalan Kampung Nyabor pada jam 3.20 petang pada Selasa (21 April)," jelasnya.

Pengadu kemudian menyedari telah ditipu sindiket penipuan dalam talian dan terus membuat laporan polis.

Menurut Stanley, suspek telah memperdayakan pengadu untuk memasukkan wang ke akaun suspek dengan menyamar sebagai pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Bank Negara.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu," tambah beliau.